

SULIT

BAHASA MELAYU

Kertas 2 - Penulisan

012

September

2019

$1\frac{1}{4}$ jam

SOALAN RAMALAN UPSR 2019

Nama : Kelas :

BAHASA MELAYU

Kertas 2 - Penulisan

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi tiga bahagian : **Bahagian A**, **Bahagian B** dan **Bahagian C**.
 2. Kamu dikehendaki menjawab ketiga-tiga bahagian.
 3. Bagi **Bahagian C**, kamu boleh memilih sama ada menjawab **Soalan 1** atau **Soalan 2**.
 4. Jawapan kamu hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan dalam kertas soalan ini.
-

Kertas soalan ini mengandungi 8 halaman bercetak


BAHAGIAN A

[10 markah]

[Masa dicadangkan : 15 minit]

Gambar di bawah menunjukkan punca-punca penyalahgunaan dadah dalam kalangan murid.

Tulis **lima** ayat yang lengkap tentang punca-punca penyalahgunaan dadah.



1. _____

2. _____

3. _____

4. _____

5. _____

BAHAGIAN B
[15 markah]
[Masa dicadangkan : 25 minit]


Graf palang di bawah berkaitan Kes-kes Jenayah di Taman Seri Saujana.

Tulis ulasan tentang **Kes-kes Jenayah di Taman Seri Saujana** tersebut dalam bentuk perenggan.

Panjangnya ulasan kamu hendaklah **antara 50 hingga 80 patah perkataan**.

**KES-KES JENAYAH DI TAMAN SERI SAUJANA
(APRIL HINGGA JUN 2019)**

(Bilangan)



- Kes jenayah semakin meningkat
- Membimbangkan penduduk
- Lampu jalan di taman perumahan tidak dibaiki
- Bilangan penagih dadah meningkat


BAHAGIAN C

[25 markah]

[Masa dicadangkan : 35 minit]

Bahagian ini mengandungi dua soalan. Jawab **satu soalan** sahaja.

Panjangnya karangan kamu hendaklah **antara 80 hingga 120 patah perkataan**.

Soalan 1

Masyarakat Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum. Perpaduan kaum penting untuk mewujudkan suasana hidup yang harmoni.

Tulis sebuah karangan tentang langkah-langkah memupuk perpaduan kaum.

ATAU**Soalan 2**

Kamu tidak dapat hadir ke sekolah kerana sesuatu sebab yang tidak dapat dielakkan. Kamu menghubungi rakan kamu melalui telefon untuk memberitahunya.

Tulis perbualan kamu itu.

No. Soalan	
------------	--

Kertas soalan tamat

SKEMA JAWAPAN

BAHAGIAN A

1. Cerita-cerita yang mengangkat tema gejala sosial di televisyen mampu mempengaruhi remaja untuk menagih dadah.
2. Pengaruh rakan sebaya yang tidak baik juga menjadi punca seseorang remaja terjebak dalam kancan penagihan najis dadah.
3. Rakan-rakan sebaya yang gemar mencabar juga menyebabkan seseorang remaja ingin mencuba mengambil dadah kali pertama dan akhirnya akan menyebabkan ketagihan.
4. Sesetengah remaja akan mencuba dadah dengan niat ingin menonjolkan diri dalam kalangan rakan-rakan kerana mereka berasa kurang terFairusal.
5. Pengaruh internet juga menjadi punca seseorang remaja menagih dadah kerana pelbagai perkara negatif mudah dilayari jika tiada pengawasan oleh orang dewasa dan penjaga mereka.

BAHAGIAN B

Graf palang menunjukkan bilangan kes jenayah yang semakin meningkat di Taman Seri Saujana dalam tempoh tiga bulan. Hal ini menyebabkan penduduk di Taman Seri Saujana dilanda kebimbangan. Kes samun telah mencatatkan sebanyak 30 kes. Bagi kes kecurian pula menunjukkan sebanyak 40 kes dalam tempoh tiga bulan manakala kes pecah rumah pula paling tinggi iaitu sebanyak 60 kes. Antara punca-punca kes itu berlaku adalah lampu jalan banyak yang telah rosak tetapi tidak pula dibaiki. Oleh itu, penjenayah yang aktif pada waktu malam mengambil peluang kawasan yang gelap ini untuk mengadakan aktiviti jenayah mereka. Selain itu, pertambahan bilangan penagih dadah juga turut menyumbang kepada kes-kes jenayah. Kebanyakan penagih dadah mencuri barang yang boleh menghasilkan pulangan wang kepada mereka demi untuk membeli bekalan dadah. Kesimpulannya, penduduk haruslah bersatu padu dan bekerjasama dalam membanteras kes-kes jenayah ini.

BAHAGIAN C

Soalan 1

Sejak 31 Ogos 1957, penduduk Malaysia yang terdiri daripada masyarakat berbilang kaum hidup bagai aur dengan tebing. Walaupun menyedari hakikat bahawa rambut sama hitam, hati lain-lain, namun masyarakat yang berbilang kaum ini hidup dengan aman dan damai. Oleh itu, semua pihak perlu memegang pada kekuatan jata negara, yakni "Bersekutu Bertambah Mutu" dan mengambil langkah-langkah proaktif untuk mengeratkan perpaduan kaum di Malaysia.

Sebenarnya, kita boleh memperbanyak aktiviti gotong-royong di taman-taman perumahan untuk memupuk perpaduan kaum rakyat di Malaysia. Masyarakat yang berbilang kaum akan keluar untuk bekerjasama membersihkan taman-taman perumahan. Melalui aktiviti kemasyarakatan ini, mereka dapat lebih mengenali antara satu sama lain melalui perbualan dan berinteraksi kerana tak Fairusal maka tak cinta. Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir pernah menegaskan bahawa bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat; perpaduan merupakan kekuatan negara. Oleh sebab itu, pemimpin negara percaya bahawa jika kita mengamalkan prinsip berat sama dipikul, ringan sama dijinjing, kita dapat menikmati pembangunan nusa tercinta ini bersama-sama.

Selain itu, kita hendaklah membudayakan amalan kunjung-mengunjung ke rumah rakan-rakan yang berlainan kaum di Malaysia. Kebudayaan antara kaum dapat difahami dengan lebih mendalam sekali gus dapat menjana tahap kefahaman dan membina masyarakat yang saling menghormati. Amalan ini amat digalakkan pada musim-musim perayaan kerana rakyat negara ini gemar mengadakan majlis rumah terbuka. Amalan rumah terbuka ini membuka ruang kepada rakyat berbilang kaum saling berFairusal dan beramah mesra di samping menikmati makanan tradisional kaum masing-masing. Oleh itu, sikap buang yang keruh, ambil yang jernih ternyata mampu menjalinhubungkan semangat perpaduan yang tersedia utuh.

Seterusnya, kita haruslah bersama-sama menyambut Hari Kebangsaan Malaysia iaitu pada setiap 31 Ogos supaya semua kaum dapat berkumpul demi menyatakan sokongan dan kecintaan mereka terhadap tanah air. Melalui sambutan ini, hubungan sesama kaum dapat dieratkan lagi atas satu dasar yang sama.

Akhirnya, sudah terang lagi bersuluh bahawa negara kita dapat berkembang maju dengan lebih lancar jika rakyat Malaysia mengaplikasikan mesej dalam peribahasa ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni dalam kehidupan seharian. Oleh itu, semangat perpaduan harus disemai dan diingati sampai bila-bila agar Wawasan 2020 menjadi realiti, bukannya fantasi semata-mata.

Soalan 2

Fairus : Selamat petang! Boleh saya bercakap dengan Aidill?

Aidill : Selamat petang, ini Aidill bercakap. Boleh saya tahu siapakah yang bercakap di sana?

Fairus : Saya Fairus. Saya hendak meminta jasa baik awak untuk memberitahu Cikgu Shima bahawa saya tidak dapat hadir ke sekolah selama beberapa hari.

Aidill : Kenapa dengan awak Fairus? Awak tak sihat?

Fairus : Sebenarnya sejak semalam saya berasa kurang sihat. Ayah telah membawa saya berjumpa dengan doktor. Menurut doktor, saya menghidapi demam campak.

Aidill : Oh, begitu! Patutlah semalam saya lihat muka awak ada bintik-bintik merah. Berapa lamakah awak tidak dapat hadir ke sekolah, Fairus?

Fairus : Doktor telah memberi saya cuti sakit selama lima hari. Saya akan bawa surat daripada doktor ke sekolah setelah saya sembuh.

Aidill : Baiklah Fairus, saya akan beritahu Cikgu Shima nanti. Janganlah awak risau.

Fairus : Terima kasih, Aidill.

Aidill : Sama-sama.